

# **SPM-KSSM/9.2.1** / Rumusan

## Soalan Berformat SPM KSSM

Baca petikan dan lirik lagu yang disertakan di bawah, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Andai digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan lirik lagu.

### Bahan 1 - Petikan

Setiap pelajar, tidak dapat dinafikan, diwajibkan menyertai aktiviti sukan di sekolah. Kerajaan telah menetapkan 10 peratus markah kokurikulum sebagai syarat kemasukan pelajar ke Institusi Pengajian Tinggi awam atau swasta untuk menunjukkan bahawa aktiviti kokurikulum, khususnya aktiviti, sukan sangat penting sekali untuk diceburi oleh pelajar sekolah. Sebagai membuktikan keseriusan kerajaan, Kementerian Pendidikan telah melancarkan dasar 1Murid 1Sukan, iaitu setiap pelajar diwajibkan menyertai sekurang-kurangnya satu sukan di sekolah amat tepat. Mantan Menteri Pendidikan, Tan Sri Muhyiddin Yassin, semasa berucap melancarkan dasar 1Murid 1Sukan, menggarisbawahi kepentingan sukan dalam kehidupan generasi muda.

Apabila pelajar menyertai aktiviti sukan, mereka mampu melahirkan warga pelajar yang sihat tubuh badan dan minda yang cerdas. Apabila mereka berbasikal, bermain bola, ataupun mendaki bukit badan mereka akan berpeluh sekali gus mengeluarkan toksin yang tidak diperlukan oleh badan melalui liang-liang roma. Kata hikmat 'badan sihat otak cerdas' sangat bertepatan dalam hal ini. Pelajar yang menceburi kesukanan dapat memberikan fokus pada pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Dengan erti kata lain, atlet atau ahli sukan berupaya mencipta kecemerlangan dan kegemilangan dalam bidang akademik kerana tumpuan pelajar di dalam kelas merupakan prasyarat utama untuk menjadi cemerlang. Dr. Ismail Zain, pakar kaunseling pendidikan, menyatakan bahawa pelajar yang fokus ketika guru mengajar di dalam kelas sudah sebelah kaki menuju kecemerlangan.

Selain itu, pelajar yang aktif bersukan juga mampu menghindari serangan penyakit yang berbahaya kerana toksin yang dikeluarkan melalui peluh telah menyebabkan lemak dalam badan terbakar ekoran aktiviti sukan yang dilakukan. Menurut kajian oleh Universiti Sains Malaysia, 30 peratus kes obesiti atau kegemukan dalam kalangan pelajar sekolah rendah di Malaysia telah direkodkan sepanjang tahun lalu. Oleh hal yang demikian, pelibatan dalam aktiviti sukan dalam kalangan pelajar perlu dititikberatkan kerana kita tidak mahu pelajar yang menjadi aset negara ini nanti menderita akibat penyakit berbahaya.

Dipetik daripada 'Sukan Penjana Generasi Sihat dan Cemerlang'

Oleh Kiassim Roslee

Dewan Siswa 2016

Dewan Bahasa dan Pustaka

**Bahan 2 - Dialog**

Dahlia: Tolonglah papa, mama. Lia kata tak mahu, tak mahulah! Papa dan mama janganlah paksa-paksa Lia.

Puan Ros: Papa dan mama tak paksa pun. Kami Cuma tak mahu Lia buat kerja separuh jalan. Lagipun, Lia sudah besar panjang. Takkanlah cekur jerangau ada lagi di ubun-ubun.

Encik Aris: (Bangun dan duduk di sebelah Lia) Cuba Lia beritahu papa, apa sebenarnya yang berlaku? Papa tahu, bermain tenis ialah kebahagiaan buat Lia.

Dahlia: Mereka kata...mereka kata, muka Lia dah teruk terkena selaran matahari. Aduhai, malunya Lia!

Puan Ros: Lia, Lia, Lia! Lia tetap cantik di mana mama dan papa. Sebagai wanita, mama bangga kerana mempunyai puteri cantik yang bakal menggoncang dunia dalam bidang yang diminati.

Encik Aris: Bahkan anak perempuan kesayangan papa ini akan kehilatan bertambah cantik di mata semua rakyat Malaysia apabila berdiri di podium. Bayangkan, Lia menjulang Jalur Gemilang.

Dahlia: Terima kasih papa, terima kasih mama! Ya Lia akan buktikan.

Dipetik daripada 'Bukan Halangan'  
Buku Teks Tingkatan 4  
Kementerian Pendidikan Malaysia

**SPM-KSSM/9.2.2** Peribahasa**Soalan Berformat SPM KSSM****Praktis 1**

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya, kemudian nyatakan **tiga** peribahasa yang sesuai dengan situasi dalam petikan tersebut.

Era penyejagatan pada masa ini semakin hari semakin berkembang pesat. Manusia sanggup melakukan apa-apa sahaja tanpa berputus asa untuk memperoleh kejayaan dalam era penyejagatan ini. Tetapi malangnya, penyejagatan banyak menyumbang ke arah kesan negatif kepada manusia sejagat. Sebagai masyarakat yang prihatin, kita mestilah sentiasa mengambil berat tentang kesan negatif globalisasi. Semua pihak mestilah bersama-sama untuk memikul tanggungjawab bagi mengurangkan kesan buruk globalisasi.

(i) \_\_\_\_\_

(ii) \_\_\_\_\_

(iii) \_\_\_\_\_

**Praktis 2**

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya, kemudian nyatakan **tiga** peribahasa yang sesuai dengan situasi dalam petikan tersebut.

Jenayah gengsterisme, tidak dapat dinafikan, tidak menyenangkan hati. Oleh itu, semua pihak haruslah mengambil inisiatif bagi mengatasi masalah ini. Sekiranya semua pihak bekerjasama, jenayah gengsterisme akan dapat diatasi. Jika jenayah gengsterisme ini dibiarkan berputik nescaya gejala ini berleluasa. Apabila seorang remaja terbabit, kemungkinan ramai yang akan mengikutinya. Kepada ibu bapa, mereka mestilah ingat bahawa oleh sebab kesalahan seorang, seluruh keluarga akan turut mendapat nama yang buruk. Jadi, mereka mestilah sentiasa menjaga dan mengawasi anak mereka supaya tidak terpengaruh atau terbabit dalam jenayah gengsterisme.

(i) \_\_\_\_\_

(ii) \_\_\_\_\_

(iii) \_\_\_\_\_

# SPM-KSSM / 9.2.3 / Penyuntingan

## Soalan Berformat SPM KSSM

Bahan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

(Nota: Arahan ini berdasarkan arahan soalan SPM 2021)



[7 markah]

1.		5.	
2.		6.	
3.		7.	
4.			

# Soalan Berformat SPM KSSM

Bahan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

(Nota: Arahan ini berdasarkan arahan soalan SPM 2021)

## 30 Murid Disyaki Keracunan Makanan

KOTA KUALA MUDA – 30 murid Tahun Lima di Sekolah Kebangsaan Kota Kuala Muda, Kedah dikejar ke hospital kerana mengalami cirit-birit dan muntah selepas minum lembu susu.

## 30 Orang Pelajar Disyaki Mengalami Cirit-birit

SUNGAI PETANI – 193 orang pelajar Sekolah Menengah Sains Mohamad Jiwa dimasuk ke hospital di dalam tempoh tiga hari kerana mengalami muntah dan cirit-birit selepas minum susu RMT.

## 18 Murid Mengalami Muntah

SUNGAI MERBOK – 18 murid Tahun Tiga Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (T) Kalaimangal, Sungai Merbok mengalami cirit-birit dan muntah selepas makan goreng mi ala mamak.

## 30 Murid Lagi Mengalami Kontaminasi Makanan

KUALA KEDAH – 30 murid Sekolah Kebangsaan Paremba, Jalan Kilang Tebu di sini dikejar ke Hospital Sungai Petani kerana muntah dan sakit perut selepas makan laksa buyung yang dijual berhampiran sekolah.

[7 markah]

1.		5.	
2.		6.	
3.		7.	
4.			

# SPM-KSSM / 9.2.4 / Aspek Morfologi

## Soalan Berformat SPM KSSM

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya dan senaraikan **dua kata adjektif dan dua kata adverba**. Kemudian, anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap kata yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda memahami maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan kata itu sebagai perubahasa atau sebagai kata nama khas.



[7 markah]

### Kata Adjektif

(i) \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

(ii) \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

### Kata Adverba

(i) \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

(ii) \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_